

Minta bantuan UNESCO perluas sistem pelajaran

UM - 5/5/2007

BANGKOK 4 Mei - Malaysia telah meminta bantuan daripada UNESCO untuk memperluas dan memodenkan lagi sistem pelajarannya, termasuk menghantar pegawai pelajaran mengikuti latihan dengan agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein membuat permintaan itu semasa melawat Pejabat UNESCO di Bangkok di sini di mana beliau diberikan taklimat mengenai pelbagai program yang dikendalikan agensi tersebut dan berkerjasama dengan sektor pelajaran Malaysia.

Menteri itu yang diiringi Duta Malaysia ke Thailand, Datuk Shaarani Ibrahim dan pegawai kanan kementerian tersebut termasuk Ketua setiausahanya, Datuk Dr. Zulkurnain Awang, membuat cadangan itu kepada Pengarah UNESCO Bangkok Sheldon Shaeffer.

Terdahulu, Hishammuddin mengunjungi Timbalan Perdana Menteri Thai Paiboon Wattanasiritham di Rumah Kerajaan.

Katanya, beliau mahu memberikan pendedahan kepada pegawai muda kementeriannya terhadap budaya dan program kerja yang diken-

dalikan UNESCO supaya mereka dilengkapkan dengan pengetahuan yang diperlukan dan perubahan sistem pelajaran semasa menjalankan tugas dalam pentadbiran.

Beliau berkata, program latihan boleh diadakan dalam tempoh tiga tahun, sama ada di Bangkok atau di ibu pejabat UNESCO di Paris.

Semasa pertemuan itu, kementerian berkenaan juga diberitahu oleh pegawai UNESCO bahawa kementerian tersebut sedang dalam memutamadkan pelan induk untuk tempoh lima tahun dengan penekanan terhadap urusan yang belum disiapkan, seperti pelajaran di kawasan luar bandar.

Usaha

Beliau diberikan taklimat oleh Shaeffer dan pegawai lain mengenai pelbagai usaha dilakukan untuk meningkatkan sistem pelajaran di rantau Asia Pasifik serta bagaimana agensi tersebut dapat membantu kerajaan mengenai isu pelajaran untuk semua, pendidikan seks, keciciran sekolah, HIV/AIDS dan kemasukan pelajar yang tidak mencukupi.

Shaeffer, yang telah berkhidmat

sebagai seorang guru di sekolah menengah kerajaan di Sarawak dari 1968 sehingga 1969, berkata agensi itu kagum dengan pembangunan pesat dalam sistem pelajaran Malaysia dan komitmen kerajaan.

Semasa pertemuan dengan Paiboon, Shaeffer berkata, mereka membincangkan bagaimana meningkatkan kerjasama dalam pelajaran serta perlembagaan Thai baru yang kini sedang dirangka.

Paiboon pula memberitahu pemberita selepas pertemuan bahawa Malaysia bersedia menawarkan biasiswa kepada pelajar dari wilayah selatan negara itu yang sedang bergolak untuk datang ke Malaysia melanjutkan pelajarannya.

Katanya, kerajaan Malaysia ikhlas untuk membantu Kerajaan Thai menamatkan konflik di wilayah majoriti orang Islam, wilayah selatan negara tersebut di mana lebih 2,100 terbu-nuh sejak Januari 2004.

- Bernama